

10/10/1997

Strategi tangani krisis mata wang

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan sedang menggubal strategi yang mampu menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dengan kerjasama sepenuhnya segenap lapisan rakyat.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak boleh menghuraikan strategi itu sekarang tetapi memberi jaminan ia tidak akan merugikan mana-mana pihak.

"Kita nampak ada juga cara tetapi cara itu memerlukan kerjasama seluruh rakyat sama ada pekerja atau pengurus atau peniaga, semuanya.

"Kalau kita sanggup menerima pendekatan yang sedang dikaji oleh kerajaan, saya yakin kita boleh mengatasi masalah ini. Tapi saya tak bolehlah cakap apa strategi itu," katanya selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan Seminar Pemikiran Strategik di Wisma MCA, di sini.

Semalam, Perdana Menteri berkata, mesyuarat mingguan Kabinet sudah membincangkan beberapa strategi untuk menangani kesan kejatuhan nilai ringgit tetapi memerlukan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat di samping disiplin dalam menghadapi masalah itu.

Perdana Menteri menegaskan bahawa strategi yang sedang digubal tidak memerlukan sebarang pengorbanan. Ia juga tidak memberi kesan negatif kepada Belanjawan 1998 yang akan dibentang pada 17 Oktober ini.

"Tidak memerlukan pengorbanan apa-apa. Strategi yang kita fikir ini tidak merugikan sesiapa tetapi mereka mesti ikut cara yang kita gubal. Kalau ikut, tidak ada siapa yang akan rugi.

"Tidak ada kesan terhadap Belanjawan, malah Belanjawan kita akan berbalik semula menjadi kukuh," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat mingguan Kabinet semalam sudah membincangkan beberapa strategi untuk menangani kesan kejatuhan nilai ringgit, tetapi ia memerlukan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat di samping disiplin dalam menghadapi masalah itu.

Mengenai tempoh bila strategi itu akan dilaksanakan, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan terburu-buru kerana yakin sebanyak mana sekalipun nilai ringgit jatuh, kesannya masih boleh diatasi.

Menurutnya, perkara paling penting dalam menangani isu ini ialah rakyat patut memberi peluang supaya strategi itu dilaksanakan sebelum membuat sebarang penilaian atau andaian.

"Tahu sajalah di Malaysia apa juga yang kita cadang, ada saja orang kata tak betul. Dalam apa saja. Bila kita kata ke kiri, mereka pula kata ke kanan. Itulah orang Malaysia. Biasanya itulah, ada orang yang merungut saja, tak pernah betul," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin bahawa pendekatan yang akan diambil kerajaan diterima majoriti rakyat.

(END)